

KSSM SAINS TINGKATAN 2

BAB 1 - Biodiversiti

1.1 Kepelbagaian organisma


1.1.1 Menghuraikan dan berkomunikasi mengenai biodiversiti.

1. Apakah biodiversiti?

Biodiversiti ialah _____ organisma sama ada mikroorganisma, haiwan atau tumbuhan yang ditemukan di Bumi.

2. Kewujudan biodiversiti disebabkan kepelbagaian _____ dan **cuaca**

3. Kepentingan Biodiversiti



	
Haiwan dan Tumbuhan membekalkan pelbagai sumber makanan kepada manusia.	Tumbuhan herba digunakan dalam pembuatan ubat-ubatan dan kosmetik.
	
Manusia mengembangkan ilmu pengetahuan dan mencipta teknologi terkini melalui penyelidikan saintifik terhadap mikroorganisma, haiwan dan tumbuhan.	Kawasan yang kaya dengan biodiversiti dijadikan tempat rekreasi



Kitar nutrien dan interaksi antara hidupan mewujudkan keseimbangan alam.



Kayu balak, buluh dan rotan ialah contoh hasil hutan yang digunakan untuk membuat alat muzik, perabot atau membina bangunan.